

Headline	Hairi bertunang hari ini		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	G3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	95 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,216
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,649



Hairi bertunang hari ini

Pelakon popular, Mohd Hairi Safwan Aznan, 25, yang pernah menang juara Anak Wayang Astro (2009) dijadualkan bertunang hari ini (17 Ogos) selepas Zuhur.

Selepas mendapat berita ini daripada produser Zeel Productions, Fadzil Teh, terus Juwie telefon Hairi, Selasa lalu dan minta fotonya dengan bakal tunang.

Menurut Hairi, bakal tunangnya, Fara Afiza Azman, 23, adalah pelajar di sebuah institusi perguruan (tempatnyadirahsiakan dulu).

Majlis pertunangan akan berlangsung di rumah keluarga Fara di Bagan Mak Mandin, Pulau Pinang. Tahniah ya!

Insyallah mereka merancang untuk bernikah

pada Mac tahun depan.

Hairi lulusan Diploma Teater dari Aswara (2009). Dia sudah berlakon banyak siri drama termasuk *Merah* dan *Geng Kampung Pisang* yang disiarkan di TV3.

Hairi berkenalan dengan Fara ketika berlakon opera, *Nyonya Cantik* di kampus tempat Fara belajar.

JUWIE: Ohh... Lepas *Nyonya Cantik* terus jumpa perempuan cantik, Fara.

